

Khairun Nabihah Abd Rashid

From: Mohd Khairizal Khahidir
Sent: 23 May 2025 10:05
To: Khairun Nabihah Abd Rashid
Cc: Noraniza Daud; Jauza Juhairah Jimmi Abdullah; Mohd Nizam Ali
Subject: FW: Permohonan Pertukaran Nama Seksyen Kewangan dan Perolehan kepada Seksyen Pengurusan Kewangan (Financial Management Section - FMS)

Assalamualaikum,

Puan,

Merujuk emel dibawah, terdapat permohonan Pertukaran Nama Seksyen Kewangan dan Perolehan kepada Seksyen Pengurusan Kewangan (Financial Management Section - FMS).

Mohon penyediaan kertas BOM.

Kerjasama amat dihargai.

Terima kasih.

Mohd Khairizal Khahidir
Malaysia Productivity Corporation (MPC)
T | 012-2988721
E | khairizal@mpc.gov.my

From: Dr. Faridah Taju Rahim <faridah_tr@mpc.gov.my>
Sent: Friday, 23 May, 2025 9:50 AM
To: Mohd Khairizal Khahidir <Khairizal@mpc.gov.my>
Cc: Datuk Zahid Ismail <zahid@mpc.gov.my>; Dr. Mazrina Mohamed Ibramsah <Mazrina@mpc.gov.my>; Dr. Mohamad Norjayadi Tamam <Norjayadi@mpc.gov.my>; Hillina Abdul Karim <Hillina@mpc.gov.my>; Mohd Khairul Nazir Nawi <Khairul@mpc.gov.my>; KWA <KWA@mpc.gov.my>; PCT <pct@mpc.gov.my>
Subject: Permohonan Pertukaran Nama Seksyen Kewangan dan Perolehan kepada Seksyen Pengurusan Kewangan (Financial Management Section - FMS)

Tuan,

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Seksyen Kewangan dan Perolehan ingin mencadangkan penukaran nama rasmi seksyen ini kepada **Seksyen Pengurusan Kewangan** atau **Financial Management Section (FMS)**. Cadangan ini adalah selaras dengan penstrukturan semula fungsi serta usaha penjenamaan semula seksyen bagi mencerminkan peranan yang lebih strategik dan menyeluruh dalam pengurusan sumber kewangan MPC. Seksyen Pengurusan Kewangan (FMS) merangkumi tiga unit utama iaitu:

- **Unit Kewangan**
- **Unit Perolehan**
- **Unit Pengurusan Aset**

3. Struktur ini memberi gambaran yang lebih jelas dan teratur terhadap fungsi teras pengurusan kewangan MPC secara holistik — meliputi perancangan, pelaksanaan, pemantauan serta pelaporan kewangan dan pengurusan aset.
4. Penukaran nama ini juga bertujuan:
 - Menyeragamkan nama seksyen dengan penjenamaan baharu berasaskan fungsi sebenar;
 - Mengukuhkan imej profesionalisme dan keberkesanan fungsi sokongan kewangan MPC;
 - Menyokong peralihan ke arah tadbir urus yang lebih berimpak tinggi, selaras dengan pendekatan berasaskan hasil (*outcome-driven*) dan penggunaan teknologi dalam pengurusan kewangan.
5. Sehubungan itu, pihak kami memohon pertimbangan dan kelulusan pihak pengurusan MPC bagi membenarkan penggunaan nama baharu ini dalam semua dokumen rasmi, sistem dalaman, paparan organisasi dan komunikasi rasmi korporat.
6. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan Amanah,

Dr. Faridah Taju Rahim
Timbalan Pengarah
Seksyen Kewangan dan Perolehan